

**PENERANGAN INFOGRAFIK RINGKASAN KESELURUHAN
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) TAHUN 2022
MENGENAI AKTIVITI JABATAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI SEMBILAN**

1. Infografik ini menunjukkan ringkasan keseluruhan bagi buku Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2022 mengenai Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sembilan. LKAN ini melaporkan satu tajuk di bawah pengauditan aktiviti jabatan negeri, satu tajuk berkaitan syarikat Kerajaan Negeri dan satu tajuk berkaitan pengauditan khas seperti berikut:

1.1. Pengauditan Aktiviti Jabatan Negeri

a. Pengurusan Rancangan Tebatan Banjir di Negeri Sembilan (RTB)

Secara keseluruhannya, projek RTB di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) merupakan penyelesaian jangka pendek bagi mengatasi kejadian banjir di kawasan terlibat. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sembilan (JPSNS) telah mengambil langkah proaktif dengan membuat penambahbaikan terhadap projek RTB melalui Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12). Kajian ini melaporkan aspek pencapaian output, pencapaian keberhasilan dan pengurusan aktiviti seperti berikut:

i. Pencapaian Output

- Sehingga tahun 2022, sebanyak 22 projek telah dilaksanakan melalui RMKe-11 dan RMKe-12;
- Keseluruhan 44 sampel kerja telah siap seperti yang dirancang mengikut jadual dan tempoh kelulusan lanjutan masa (EOT); dan
- 10 program kesedaran awam telah dilaksanakan mulai tahun 2019 hingga 2022.

ii. Pencapaian Keberhasilan

- Kejadian banjir di kawasan projek RTB melibatkan 18 lokasi di lima daerah antara tahun 2016 hingga 2022; dan
- Pembukaan Pusat Pemindahan Sementara (PPS) tertinggi melibatkan daerah Tampin sebanyak 28 PPS manakala Jempol merupakan daerah terendah dengan enam PPS.

iii. Pengurusan Aktiviti

- Prestasi kewangan projek RTB bagi RMKe-11 dan RMKe-12 adalah baik; dan
- Terdapat kelemahan dalam penyenggaraan projek iaitu kerosakan struktur binaan, pengorekan sungai yang tidak dapat dilaksanakan, tiada pengorekan saluran sungai secara berkala, tiada penyenggaraan *flap gate* dan penyenggaraan kolam takungan.

1.2. Pengauditan Syarikat Kerajaan Negeri

a. Emerald Spirit Sdn. Bhd. (ESSB)

Secara keseluruhannya, objektif penubuhan syarikat ESSB untuk menjadi sebuah syarikat berkaitan Kerajaan yang menjalankan perniagaan perhotelan dan F&B belum tercapai sepenuhnya, prestasi aktiviti penyewaan bilik penginapan dan jualan F&B belum mencapai kecekapan yang optimum, amalan tadbir urus korporat memuaskan dan kedudukan kewangan kurang stabil. Kajian ini melaporkan aspek pencapaian output, pencapaian keberhasilan dan pengurusan aktiviti seperti berikut:

i. Pencapaian Output

- Prestasi pendapatan sebenar ESSB adalah antara 43.0% hingga 80.5%;
- Prestasi kadar penyewaan bilik penginapan adalah antara 30.5% hingga 31.0% manakala prestasi pendapatan penyewaan bilik adalah antara 37.9% hingga 82.9%; dan
- Prestasi pencapaian sebenar jualan F&B adalah antara 43.3% hingga 78.4%.

ii. Pencapaian Keberhasilan

- Pencapaian keberhasilan syarikat dari aspek kepuasan hati pelanggan berdasarkan maklum balas yang diterima daripada pelanggan adalah memuaskan.

iii. Pengurusan Aktiviti

- Strategi pemasaran adalah kurang cekap;
- Pengurusan penyewaan bangunan adalah kurang cekap;
- Pengurusan penyenggaraan fasiliti dan bangunan adalah kurang memuaskan; dan
- Prestasi kerja baik dan naik taraf yang dijalankan tidak cekap.

1.3. Pengauditan Khas

a. Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd. (SAINS)

• Pengurusan Program Air Tidak Terhasil [Non Revenue Water (NRW)]

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop dan sampel Audit dapat dirumuskan pengurusan NRW masih belum mencapai objektif ditetapkan. Pelaksanaan program pengurangan NRW yang kurang menyeluruh menyebabkan peruntukan yang dibelanjakan masih belum berjaya mengurangkan kadar NRW di Negeri Sembilan. Kajian ini melaporkan aspek pencapaian output, pencapaian keberhasilan dan pengurusan aktiviti seperti berikut:

i. Pencapaian Output

- Pelaksanaan 36 daripada 37 projek OPEX dan CAPEX SAINS berjumlah RM11.62 juta;
- Pelaksanaan 13 projek CAPEX PAAB berjumlah RM8.67 juta; dan
- Pelaksanaan projek RMKe-12 Pendekatan 2 belum bermula.

ii. Pencapaian Keberhasilan

- Pencapaian kadar NRW 2022 35.1% berbanding 31.01% sasaran SPAN;
- Kehilangan hasil pada tahun 2022 dianggarkan berjumlah RM119.46 juta;

- Kuala Pilah mencatatkan purata NRW tertinggi iaitu 46.6% manakala Rembau mencatatkan purata NRW terendah iaitu 28.7%; dan
- Pada tahun 2022, berlaku sebanyak 3,261 kes kebocoran paip utama, paip agihan dan paip retikulasi.

iii. Pengurusan Aktiviti

- Sebanyak sembilan meter pengeluaran masih belum diverifikasi semula sejak tahun 2021;
 - Sebanyak dua unit *Automatic Control Pumping System* telah ditamatkan penggunaannya dalam tahun 2022 dan disimpan; dan
 - Sebanyak 199 daripada 393 DMZ tidak aktif.
2. Keseluruhan syor audit yang diberikan oleh Ketua Audit Negara ialah 11 syor, iaitu tiga kepada JPSNS dan masing-masing empat syor kepada ESSB dan SAINS.